

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI**  
**[ HULU SELANGOR ]**

**SOALAN NO. 94**

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan maklumat secara terperinci jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian bagi pembangunan dan penyelenggaraan sekolah, aktiviti kecemerlangan pelajar serta kurikulum untuk tempoh 3 tahun terkini bagi kawasan Parlimen Hulu Selangor.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah RMKe-11, sebanyak 4 buah projek meliputi projek baru dan sambungan telah diluluskan berjumlah RM12.446 juta untuk pelaksanaan pembangunan di kawasan Parlimen Hulu Selangor. Senarai projek dan anggaran kos bagi program rendah akademik yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

1. pembinaan pejabat pentadbiran, bilik guru, 6 bilik darjah, tandas, M&E, Infra dan pelupusan 2 unit kuarters guru serta 1 blok 2 bilik darjah secara IBS bagi SK Ulu Yam Lama, Batang Kali, Selangor dengan anggaran kos RM5 juta;
2. pembinaan bangunan gantian yang mengandungi 4 bilik darjah, pejabat, pusat sumber, bilik guru, bilik khas, ruang terbuka dan lain-

**NO. SOALAN : 94**

lain kemudahan piawai di SK Tun Abdul Razak dengan anggaran kos RM7 juta;

3. mengubahsuai dan naik taraf kelas PPKI di SK Bukit Beruntung 2, Selangor dengan anggaran kos RM210 ribu;

Terdapat satu (1) projek di bawah program akademik menengah yang telah diluluskan iaitu pembinaan empat (4) bilik darjah, bengkel kemahiran hidup dan bilik mesyuarat di sekolah baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor dengan anggaran kos RM236,885.00.

Bagi penyelenggaraan dan pemberian kecil pula, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM364,500.00, tahun 2017 sebanyak RM820 ribu dan tahun 2018 adalah sebanyak RM255 ribu. Manakala bagi peruntukan untuk bangunan dan pemberian bangunan jumlah yang diterima adalah sebanyak RM530 ribu sahaja iaitu pada tahun 2017.